



Headline: Pelajar rugi RM99,040 diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 19 June 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 20

## Pelajar rugi RM99,040 diperdaya Macau Scam

**Seremban:** Seorang pelajar perempuan berusia 21 tahun kerugian RM99,040 selepas diperdaya sindiket Macau Scam, Selasa lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Ab Ghani, berkata dalam kejadian jam 1 tengah hari itu, mangsa menerima panggilan daripada seorang lelaki menerusi nombor +87087410786 yang mendakwa dia adalah suspek kes pengubahan wang haram dari akaun bank JP Morgan Chase.

“Selepas itu, mangsa disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Pozlan dan kemudian disambung kepada seorang lagi lelaki bernama Muhammad Redza.

“Suspek telah meminta semua maklumat berkenaan akaun bank mangsa dengan alasan untuk memeriksa kes itu,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.


Mangsa juga memberikan semua maklumat dan semua 23 nombor TAC bank di nombor 011-39321339.

“Apabila mangsa membuat semakan, dia mendapati wang dalam akaunnya telah dipindahkan

ke beberapa akaun tidak dikenali,” katanya.

Aibee berkata, siasatan ke atas nombor telefon +87087410786 yang digunakan suspek mendapati terdapat dua kes lain yang direkodkan yang membabitkan kerugian RM6,750, manakala satu lagi nombor telefon, merekodkan lima kes penipuan membabitkan kerugian RM30,459.

Sementara itu, beliau berkata dalam tempoh 1 Januari sehingga 16 Jun lalu, terdapat 127 kes Macau Scam direkodkan di Negeri Sembilan membabitkan kerugian RM3.7 juta dengan 60 individu ditahan. **BERNAMA**

 **Apabila mangsa membuat semakan, dia mendapati wang dalam akaunnya telah dipindahkan ke beberapa akaun tidak dikenali.**

**Aibee Ab Ghani,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan